

SP Group menang tender pertama projek pendinginan daerah di Thailand

[SP Group](#) [Electric Car](#)

Sep 26, 2023 | 04:05 PM



Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula



TENAGA BIJAK: SP Group dan Banpu Next berkata projek itu akan membantu pusat kompleks pemerintah di Bangkok menjimat sekitar \$1.6 juta dalam kos elektrik setiap tahun. - Foto SP GROUP

Satu usaha sama antara syarikat elektrik dan gas milik negara, SP Group, dengan syarikat penyedia penyelesaian tenaga bijak Thailand, Banpu Next, telah memenangi satu tender untuk mereka bentuk, membina, memiliki dan mengendali sebuah sistem pendinginan daerah di Bangkok.

Projek di Pusat Kompleks Kerajaan Zone C di bandar itu menandakan projek pendinginan daerah pertama oleh SP Group di Thailand. Ia akan siap pada tahun depan, lapor *The Business Times*.

Sistem pendinginan daerah itu akan mengendali kapasiti pendinginan sehingga 14,000 tan bagi pusat kompleks itu yang mempunyai keluasan lantai kasar (GFA) 660,000 meter persegi.

SP Group dan Banpu Next pada Isnin berkata projek itu akan membolehkan pusat kompleks berkenaan menjimatkan sekitar \$1.6 juta dalam kos elektrik setahun.

Ia juga akan membantu pusat kompleks itu menjimatkan tenaga sebanyak 20 peratus dan mengurangkan pengeluaran sehingga 3,000 tan, setiap tahun.

"Ini sama dengan meniadakan sekitar 20,000 kereta enjin pembakaran dalaman (ICE) daripada jalan raya secara terkumpul sepanjang tempoh kontrak selama 20 tahun," kata kedua-dua syarikat itu.

Tender tersebut diberikan oleh Dhanarak Asset Development, sebuah anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Thailand.

Kedua-dua syarikat itu menambah usaha sama mereka akan menyediakan air dingin yang cekap tenaga dan mamnu dihasilkan kenada rangkaian bangui (EV) di fasiliti itu.